

PM kesal projek KTM lewat siap

Oleh Lichong Angkui

KLANG, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang kesal dengan kegagalan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTM Bhd) memulakan operasi perkhidmatan kereta api elektrik (EMU) atau KTM Komuter mengikut jadual, mahu perkara itu dibincangkan dalam mesyuarat Kabinet esok.

Menurut Perdana Menteri, beliau sendiri akan membawa perkara itu kepada Kabinet bagi mencari penyelesaian supaya perkhidmatan KTM Komuter dapat dimulakan secepat mungkin. Beliau kesal kerana peringkat pertama perkhidmatan itu di antara Rawang dan Kuala Lumpur yang sepatutnya beroperasi bulan lalu, bukan saja belum bermula malah sehingga kini tidak ada tanda ia boleh dimulakan dalam jangka masa singkat.

Katanya, beliau sudah mengarahkan KTM Bhd mengambil langkah segera bagi menentukan projek itu tidak tergendala. "Semua pihak mesti menumpukan perhatian ke-

pada kerja menjayakannya dan KTM Bhd perlu membuat tindakan serta keputusan dengan cepat, bukan hanya banyak bercakap," katanya kepada pemberita selepas diberi taklimat oleh pengurusan KTM Bhd mengenai projek itu di Stesen Keretapi Klang, di sini hari ini.

Sebelum itu, Dr Mahathir yang diiringi Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik menaiki kereta api dari Kuala Lumpur untuk meninjau projek landasan berkembar Kuala Lumpur-Klang.

Keseluruhan projek EMU sejauh 150 kilometer itu membabitkan laluan Kuala Lumpur-Rawang; Sentul-Kuala Lumpur; Kuala Lumpur-Pelabuhan Klang; dan Kuala Lumpur-Seremban. Sebagai permulaan, KTM Berhad merancang menggunakan 18 set keretapi elektrik bernilai RM180 juta yang akan memulakan perkhidmatan komuter untuk menampung 40 peratus da-

LIHAT MUKA 2

Kelewatan kerana tiada koordinasi

DARI MUKA 1

ripada 120,000 penumpang sehari.

Perdana Menteri berkata, kegagalan KTM Bhd memulakan perkhidmatan itu mengikut jadual disebabkan pelbagai masalah terutama kelewatan menyiapkan landasan berkembar bernilai RM1.5 bilion.

"Kelewatan juga kerana ketiadaan koordinasi, terlalu banyak halangan, keputusan lambat dibuat, proses tender mengambil masa, masalah tanah tak selesai, isu setingan dan kontraktor berlain-lain.

"Malah ada kontraktor yang tidak dapat menja-

lankan kerja kerana perunding projek tidak datang," katanya.

Dr Mahathir berkata, projek itu terlalu lambat berikutan pelbagai masalah, malah sehingga kini pun, beliau tidak pasti sama ada ia dapat memulakan perkhidmatannya tahun ini.

"Bagi laluan peringkat pertama Rawang ke Kuala Lumpur pun, saya masih belum yakin (ia dapat beroperasi) dan ke Seremban... saya ingat tahun depan. Itu pun saya tak tahu bila.

"Saya dapati terlalu banyak masalah dihadapi

dan masalah ini tidak dapat diatasi segera. Dengan itu projek ini agak terlalu lewat," katanya.

Menurutnya, walaupun beliau diberitahu bahawa sesetengah projek berkenaan sudah siap, sesetengahnya pula cuma 40 peratus siap.

"Waktu ini saya belum yakin (bila KTM komuter boleh beroperasi) kerana saya banyak kali tanya bila nak siap, mereka kata sedikit masa lagi.. sedikit masa lagi. Sepatutnya hujung 1994, sekurang-kurangnya laluan Rawang-KL dah siap. Tetapi ini sub-station

pun tak siap," katanya.

Menurut Dr Mahathir, kerajaan memutuskan mengadakan perkhidmatan kereta api elektrik itu pada 1992, menggantikan cadangan awal untuk menggunakan kereta api diesel.

Pelaksanaan projek itu, katanya, bertujuan membantu sistem Transit Rel Ringan (LRT) bagi mengatasi kesesakan di ibu kota. Bagaimanapun disebabkan kelewatan EMU beroperasi, kesesakan akan terus dihadapi beberapa lama lagi.

Beliau berkata, walaupun kelewatan operasi

EMU itu mungkin tidak boleh dianggap sebagai satu kegagalan, ia mestilah dijadikan pengajaran oleh semua pihak terabit.

"Mengikut jangkaan saya, kalau kita membina 100 kilometer ambil masa lebih lima tahun, (bermakna) kalau kita buat dari Singapura ke Thailand mungkin mengambil masa 20 tahun. Ia satu masa yang terlalu lama," katanya.

Ditanya apakah beliau kecewa dengan kelambatan itu, Dr Mahathir berkata: "Bukan kecewa, tetapi tidak berpuas hati."